

# Amaran Dr.M kepada yang nyeleweng dalam agensi2 kerajaan

13 MAR 1978

KUALA LUMPUR 17 Mac — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada mereka yang terlibat dalam penyelewengan terhadap pentadbiran agensi-agensi kerajaan bahawa kerajaan akan berbuat apa saja untuk menghapuskannya.

Tegasnya, kerajaan memandang berat terhadap perbuatan seumpama itu dan akan bertindak tegas kepada mereka yang terlibat.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan pembukaan Hotel Travel Inn di Hentian Pudu Raya di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan sentiasa sedar segala perkembangan yang berlaku dalam badan-badan kerajaan dan badan berkanun.

Menurut beliau setakat ini terdapat 560 buah agensi-agensi dan badan-badan berkanun kerajaan di negara ini.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menambah kerajaan juga sentiasa menerima maklumat tentang keuntungan yang diperolehi dan juga kerugian yang dialami oleh agensi-agensi berkenaan.

Bagi memastikan badan-badan atau agensi-agensi itu berjalan dengan baik, beliau berkata kerajaan akan terus berusaha mengeluarkan para pengurus yang cekap untuk mengendalikannya.

Menurut beliau salah satu cara ialah dengan memberi latihan semula kepada pegawai-pegawai berkenaan.

Sebelum itu, semasa berucap merasmikan hotel itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata tuduhan telah dilemparkan kepada kerajaan bahawa kebanyakan perusahaan yang dijalankannya mengalami kerugian besar.

Beliau mengingatkan badan-badan berkanun tentang peranan pentingnya dan sebarang kegagalan yang berlaku adalah merupakan kegagalan kerajaan.

Mengenai hotel tersebut, beliau mengingatkan bahawa kerajaan tidak memandang kepada keuntungan yang diperolehinya sahaja, tetapi juga kepada kejayaan hotel itu supaya dapat mengelakkan tuduhan yang mengatakan perusahaan yang dijalankan oleh kerajaan selalunya gagal.

Beliau berkata kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya terhadap kemajuan hotel itu kerana ia terlibat dengan perusahaan itu melalui UDA.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kejayaan sesebuah hotel bukan kerana bangunannya, tetapi adalah kerana pengurusannya yang cekap dan bertaraf profesional.